

BAB 6

PENYUSUPAN LALUAN MARITIM HO CHI MINH SELEPAS TAHUN 1969

Tahun 1969 merupakan tahun yang penting bagi Vietnam Utara kerana pengaruh Amerika Syarikat mula berkurang sejak Dasar Vietnamisasi diperkenalkan oleh pentadbiran Richard Nixon. Bab ini akan membincangkan pengunduran tentera Amerika Syarikat secara berperingkat-peringkat dari Vietnam Selatan melalui Dasar Vietnamisasi telah membolehkan Vietnam Utara menggunakan jalan darat untuk menyusup ketenteraan ke Vietnam Selatan kerana penyusupan ketenteraan melalui jalan darat adalah lebih cepat. Maka secara tidak langsung, peranan Laluan Maritim Ho Chi Minh turut merosot dalam aktiviti penyusupan.

Pengunduran Tentera Amerika Syarikat dari Vietnam Selatan

Campur tangan Amerika Syarikat di Vietnam telah menyebabkan gerakan anti-perang di kalangan rakyat Amerika Syarikat dan seluruh dunia¹ terutamanya selepas berlakunya krisis Teluk Tonkin pada bulan Ogos 1964² yang menyebabkan Amerika Syarikat cuba meningkatkan tahap peperangan di Vietnam.³ Penentangan terhadap Amerika Syarikat yang semakin hebat akhirnya telah menyebabkannya terpaksa akur

¹ Untuk keterangan lebih lanjut tentang gerakan anti-perang, sila rujuk Ann Curthoys, "The Anti War Movement", dalam Jeffrey Grey and Jeff Doyle (eds.), *Vietnam : War, Myth and Memory*, Sydney : Allen and Unwin Pty. Ltd., 1992, hlm. 84-94. Lihat juga Norton, et al., *A People and a Nation*, hlm. 969.

² Douglas Pike, *Vietnam and the Soviet Union : Anatomy of an Alliance*, London : Westview Press, Inc., 1987, hlm. 63.

³ Tindakan Amerika Syarikat ternyata apabila jumlah tentera Amerika Syarikat yang berada di Vietnam telah meningkat daripada 23,000 orang pada tahun 1964 kepada 184,300 orang pada tahun 1965. Lihat Norton, et al., *A People and a Nation*, hlm. 966.

kepada tekanan ini. Selain itu, kekalahan psikologi Amerika Syarikat dalam Penyerangan Musim Perayaan Tahun Baru (Tet) pada 31 Januari 1968⁴ akhirnya juga telah memaksa ia berundur dari Vietnam. Ini ditambah pula dengan janji Richard Nixon untuk menamatkan perang di Vietnam seperti yang dijanjinya dalam kempen pilihan raya Amerika Syarikat pada tahun 1968.⁵

Apabila Richard Nixon menjadi Presiden Amerika Syarikat ke-37 pada tahun 1969, beliau telah menunaikan janjinya untuk mencari perdamaian di Vietnam. Justeru itu, Dasar Vietnamisasi telah diperkenalkan oleh beliau pada tahun 1969. Dasar ini bertujuan mengembang dan menguatkan pasukan tentera Vietnam Selatan supaya mampu mempertahankan negaranya daripada serangan Vietnam Utara.⁶ Tindakan ini adalah selaras dengan rancangan Presiden Nixon untuk mengundur tenteranya dari Vietnam Selatan secara berperingkat-peringkat.

Jadual 8 : Jumlah Tentera Amerika Syarikat di Vietnam Selatan dari Tahun 1968- 1972

Tahun	Bilangan Tentera Amerika Syarikat di Vietnam Selatan
1968	530,100
1969	475,200
1970	334,600
1971	156,800
1972	24,200

Sumber : Diubahsuai daripada Mary Beth Norton, et al., *A People and a Nation - A History of the United States*, edisi keempat, Boston : Houghton Mifflin Company, 1994, hlm. 966.

⁴ *Ibid.*, hlm. 969.

⁵ Nalty (ed.) *The Vietnam War*, hlm. 285.

⁶ *Ibid.*

Melalui pengurangan tentera Amerika Syarikat di Vietnam Selatan sejak tahun 1969, maka ini telah menjelaskan bahawa pengaruh Amerika Syarikat di Vietnam Selatan telah berkurangan. Kini Vietnam Selatan harus lebih bergantung kepada tenteranya sendiri untuk mempertahankan negaranya daripada serangan Vietnam Utara kerana bantuan daripada Amerika Syarikat telah berkurang, misalnya pada tahun 1973, bantuan dari Amerika Syarikat ialah \$2.27 bilion, jumlah ini berkurang kepada satu bilion dolar Amerika Syarikat pada tahun 1974 dan \$700 juta pada 1975.⁷

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Dasar Vietnamisasi telah berjaya memaju dan memodenkan tentera Vietnam Selatan seperti yang dirancang oleh Amerika Syarikat.⁸ Namun dasar ini tidak dapat memberi kemenangan kepada Vietnam Selatan untuk menentang Vietnam Utara memandangkan kerajaan Saigon di bawah pimpinan Presiden Nguyen Van Thieu⁹ telah kehilangan sokongan rakyatnya sendiri.¹⁰ Malah kemerosotan kerajaan Vietnam Selatan telah meningkatkan harapan di kalangan pemimpin Vietnam Utara untuk membebaskan Vietnam Selatan daripada pengaruh Amerika Syarikat.¹¹

Dalam tempoh pelaksanaan Dasar Vietnamisasi, pemimpin-pemimpin Vietnam Utara telah mengambil peluang ini meningkatkan kekuatan tenteranya untuk menunggu

⁷ Ruane, *War and Revolution in Vietnam*, hlm. 103.

⁸ Daniel S. Papp, *Vietnam, The View from Moscow, Peking, Washington*, North Carolina : McFarland and Company, Inc., 1981, hlm. 124.

⁹ Nguyen Van Thieu merupakan Presiden Vietnam Selatan pada tahun 1963 dan beliau meletak jawatan pada 21 April 1975.

¹⁰ Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 404.

¹¹ *Ibid.*

peluang dan masa yang paling sesuai untuk mengisi kekosongan politik yang wujud di Vietnam Selatan.¹²

Walaupun tentera Amerika Syarikat mula berundur dari Vietnam Selatan sejak tahun 1969, namun penyusupan ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh masih berterusan untuk menyokong perjuangan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Cuma kadar penyusupan ketenteraan melalui laluan laut ini mula merosot kerana ancaman dari Amerika Syarikat yang dihadapi oleh Vietnam Utara telah berkurang setelah kemerosotan kuasa Amerika Syarikat di Vietnam Selatan sejak tahun 1969. Ini kerana kini Vietnam Utara boleh menggunakan Laluan Ho Chi Minh di darat secara lebih efektif untuk menjalankan aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan setelah pengeboman udara daripada Amerika Syarikat telah dihentikan. Tambahan pula laluan darat ini juga telah dimantapkan dengan sokongan strategik dan logistik yang lebih berkesan.

Kemerosotan Peranan Laluan Maritim Ho Chi Minh

Kemerosotan kuasa Amerika Syarikat di Vietnam Selatan pada tahun 1969 melalui Dasar Vietnamisasi, telah mengurangkan ancaman Amerika Syarikat kepada Vietnam Utara. Perubahan ini telah mengubah corak penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

¹² Gabriel Kolko, *Anatomy of a War : Vietnam, the United States and the Modern Historical Experience*, New York : Pantheon Books, 1985, hlm. 422.

Memandangkan pengaruh Amerika Syarikat di Vietnam Selatan telah merosot, maka Vietnam Utara telah mengurangkan kadar penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh. Kemerosotan kadar penyusupan ketenteraan dapat dibuktikan apabila jumlah tentera yang dihantar ke Vietnam Selatan sama ada melalui jalan laut mahupun jalan darat telah berkurang. Misalnya pada tahun 1968, seramai 250,000 orang tentera telah dihantar ke Vietnam Selatan melalui jalan laut dan jalan darat. Angka ini telah merosot kepada kira-kira 105,000 orang pada tahun 1969 dan kira-kira 50,000 orang pada bulan Julai 1970.¹³ Keadaan ini telah menggambarkan bahawa peranan Laluan Ho Chi Minh di darat dan Laluan Maritim Ho Chi Minh telah merosot sejak tahun 1969 hingga tahun 1972.

Sebenarnya kemerosotan peranan Laluan Maritim Ho Chi Minh dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan berkait rapat dengan Dasar Vietnamisasi yang melibatkan pengunduran tentera Amerika Syarikat dari Vietnam Selatan sejak tahun 1969 telah menyebabkan kemampuan Amerika Syarikat untuk bertindak berkurangan. Tambahan pula, antara tahun 1968-1972 Amerika Syarikat telah menghentikan serangan udara terhadap Vietnam Utara untuk beberapa kali. Ini telah membolehkan Vietnam Utara menggunakan kedua-dua Laluan Maritim Ho Chi Minh dan Laluan Ho Chi Minh di darat untuk meneruskan aktiviti penyusupan ketenteraan, walaupun pada kadar yang lebih kurang.

Pada tahun 1972, peranan Laluan Maritim Ho Chi Minh semakin merosot setelah Amerika Syarikat menamatkan pengeboman udara terhadap Vietnam Utara. Ini

¹³ Baggs, *Bombing, Bargaining and Limited War*, hlm. 153.

disebabkan Vietnam Utara boleh menggunakan jalan darat untuk menghantar peralatan berat ke Vietnam Selatan kerana cara ini lebih menjimatkan masa. Hal ini digambarkan dengan lebih jelas dalam penyerangan Easter 1972¹⁴ dan Kempen Ho Chi Minh pada tahun 1974-1975.¹⁵

Penyerangan Easter 1972

Hasrat Vietnam Utara untuk menyatukan Vietnam tidak pernah pudar sejak tahun 1959. Setiap peluang dan kelemahan pihak lawan digunakan dengan cara yang sebaik mungkin untuk merealisasikan hasratnya. Ini dapat digambarkan dengan jelas melalui penyerangan Easter pada tahun 1972.

Penyerangan Easter dilancarkan oleh Vietnam Utara terhadap Vietnam Selatan pada tahun 1972 melalui Zon Bebas Tentera.¹⁶ Penyerangan tersebut dilancarkan atas tiga tujuan utama iaitu mengalahkan tentera Vietnam Selatan, mengganggu Dasar Vietnamisasi dan mengambil alih kerajaan Vietnam Selatan.¹⁷

Penyerangan Easter 1972 telah dilakukan pada 30 Mac 1972 bermula di utara wilayah Quang Tri.¹⁸ Dalam serangan tersebut, Vietnam Utara mula menghantar peralatan berat buatan Soviet Union seperti kereta kebal jenis T-54, T34 dan T-76, peluru

¹⁴ Penyerangan Easter 1972 juga dikenali sebagai Penyerangan Nguyen Hue atau Penyerangan Musim Bunga. Lihat Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 286.

¹⁵ Penyerangan terbesar Vietnam Utara terhadap Vietnam Selatan pada tahun 1974-1975 dikenali sebagai Kempen Ho Chi Minh oleh Parti Lao Dong pada 14 April 1975 adalah untuk memperingati jasa Ho Chi Minh dalam Perang Revolusi Vietnam. Lihat Van Tien Dung, *Our Great Spring Victory*, hlm. 159-160.

¹⁶ Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 286.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ C.H. Turley, *The Easter Offensive, Vietnam 1972*, Novato : Presidio Press, 1985, hlm.53.

jenis SA-2 dan Sa-7 serta senapan 130mm¹⁹ melalui laluan darat. Keadaan sedemikian telah menyebabkan Laluan Maritim Ho Chi Minh merosot. Menurut sumber Amerika Syarikat, 80% alat senjata dan kelengkapan tentera yang digunakan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan pada masa ini adalah dibekalkan oleh Soviet Union.²⁰ Keadaan ini wujud akibat daripada ketegangan yang wujud antara Soviet Union dan Republik Rakyat China apabila Amerika Syarikat menjalin hubungan baik dengan Republik Rakyat China pada tahun 1972 berikutan lawatan Presiden Nixon ke Republik Rakyat China.²¹ Dalam hal ini, Vietnam Utara terpaksa bergantung kepada bantuan Soviet Union untuk menentang Amerika Syarikat.

Dalam Penyerangan Easter tahun 1972, Vietnam Utara telah mengubah corak peperangannya iaitu berperang secara terus dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan melalui jalan darat kerana sistem pertahanan kerajaan Vietnam Selatan telah semakin lemah.

Serangan kedua tentera Vietnam Utara juga bermula pada 30 Mac 1972 ke atas bandar Hue.²² Dalam serangan ini, tentera Vietnam Utara telah berjaya merampas bandar Quang Tri pada 1 Mei 1972. Kejayaan ini telah meninggikan semangat perjuangan Vietnam Utara tetapi telah mematahkan semangat tentera Vietnam Selatan

¹⁹ Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 286-287.

²⁰ Papp, *The View from Moscow*, hlm. 153.

²¹ Pike, *Vietnam and the Soviet Union*, hlm. 90.

²² Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 287.

dalam peperangan kerana banyak alat kelengkapan tentera telah dirampas oleh tentera Vietnam Utara.²³

Sementara pada bulan April 1972, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah berada di wilayah Binh Long untuk merancang menakluki An Loc di Vietnam Selatan. Keadaan ini telah membimbangkan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan.²⁴ Akibatnya Amerika Syarikat terpaksa menggunakan pesawat B-52 untuk mengebom Vietnam Utara pada 6 April 1972 bagi menghentikan serangan Vietnam Utara. Tindakan Amerika Syarikat ini telah dikutuk oleh Blok Komunis sebagai langkah meningkatkan tahap peperangan dan menimbulkan gerakan anti-perang di kalangan rakyat Amerika Syarikat.²⁵

Walaupun penyerangan udara secara besar-besaran telah dijalankan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan, namun langkah ini masih tidak mampu menghentikan serangan dari Vietnam Utara. Maka, apabila Quang Tri jatuh ke dalam tangan Vietnam Utara dan keselamatan Hue diancam, Presiden Nixon telah menyedari tindakan yang lebih tegas harus diambil. Maka pada 8 Mei 1972, Presiden Nixon telah mengemukakan beberapa langkah untuk menentang serangan Vietnam Utara. Langkah-langkah ini ialah

- (a) memasang periuk api di semua pelabuhan Vietnam Utara.
- (b) memutuskan sistem landasan kereta api dan komunikasi di Vietnam Utara pada tahap yang maksimum.

²³ Kolko, *Anatomy of a War*, hlm. 424.

²⁴ Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 288-289.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 294.

(c) meneruskan pengeboman udara dan laut di kawasan tentera Vietnam Utara.²⁶

Memandangkan Vietnam Utara masih menggunakan Laluan Maritim Ho Chi Minh untuk menjalankan aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan, maka langkah Amerika Syarikat memasang periuk api di pelabuhan Vietnam Utara merupakan satu langkah yang penting untuk menyekat aktiviti penyusupan tersebut. Selain itu, pengeboman udara dan laut dibuat oleh Amerika Syarikat adalah bertujuan memaksa Vietnam Utara menghentikan aktiviti penyusupan ketenteraan.

Langkah-langkah yang tegas ini perlu diambil oleh Amerika Syarikat disebabkan kejayaan serangan dari Vietnam Utara. Sejak awal bulan Mei 1972, Amerika Syarikat telah menyedari bahawa kemungkinan besar Saigon akan mengalami kekalahan dalam peperangan tersebut. Ini kerana pada waktu itu, jumlah tentera Amerika Syarikat yang berada di Vietnam Selatan telah dikurangkan kepada 100,000 orang.²⁷ Oleh yang demikian, tugas pertahanan Vietnam Selatan kini dipikul oleh unit tentera Vietnam Selatan dan bergantung kepada keberkesanannya.

Untuk mengelakkan kejatuhan Saigon, Amerika Syarikat terpaksa melancarkan serangan udara dan operasi pemasangan periuk api untuk menentang serangan Vietnam Utara. Menurut Presiden Nixon, keadaan Saigon yang cukup membimbangkan telah menyebabkan beliau terpaksa menjalankan langkah-langkah menutup saluran

²⁶ Papp, *The View from Moscow*, hlm. 133-134. Lihat juga Palmer, *The 25 Year War*, hlm. 122.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 134.

penghantaran ketenteraan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan.²⁸ Amerika Syarikat tetap melancarkan pengeboman udara dan laut terhadap Vietnam Utara sehingga akhir tahun 1972.²⁹ Tindakan Amerika Syarikat ini telah berjaya menyekat dan mengurangkan kadar penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh ke Vietnam Selatan.³⁰ Sehubungan itu, Republik Rakyat China dan Soviet Union telah mengutuk tindakan Amerika Syarikat yang cuba memperhebat peperangan di Vietnam. Namun begitu, kutukan tersebut tidak dihiraukan oleh Amerika Syarikat.³¹

Memang tidak dapat dinafikan bahawa strategi Amerika Syarikat ini telah berjaya melambatkan kadar penyerangan dari Vietnam Utara, namun pada masa yang sama, tindakan Amerika Syarikat ini juga telah mendedahkan kawasan yang selamat kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Buktinya, pada tahun 1972, Saigon telah kehilangan pengawalan 365,000 orang rakyat di wilayah Quang Ngai dan kehilangan 1,400 buah perkampungan pada bulan Oktober 1972 berbanding dengan hanya tujuh buah desa yang hilang kepada Kerajaan Revolusi Sementara (Provisional Revolutionary Government) yang didirikan oleh Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan sebelum Penyerangan Easter 1972.³² Dari segi kehilangan tentera pula, Vietnam Selatan telah kehilangan seramai 14,000 orang tentera berbanding dengan pihak Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang hanya kehilangan 7,000 orang sahaja.³³

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Nalty (ed.), *The Vietnam War*, hlm. 294.

³⁰ Baggs, *Bombing, Bargaining and Limited War*, hlm. 153.

³¹ Papp, *The View from Moscow*, hlm. 134.

³² *Ibid.*, hlm. 133

³³ *Ibid.*

Oleh yang demikian, Penyerangan Easter 1972 telah membuktikan kelemahan dan kegagalan Dasar Vietnamisasi yang telah mengendalakan proses perdamaian Amerika Syarikat di delta Mekong, sebaliknya telah memperkukuhkan kedudukan politik Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan.³⁴ Harapan rundingan perdamaian hanya wujud apabila Amerika Syarikat mengumumkan pengeboman terhadap Vietnam Utara dihentikan pada 30 Disember 1972 tanpa syarat. Tindakan Amerika Syarikat ini akhirnya telah membawa kepada termeterainya Perjanjian Paris pada 27 Januari 1973 dengan Vietnam Utara.

Perjanjian Paris ini ditandatangani oleh empat pihak secara rasminya pada 27 Januari 1973. Empat pihak ini terdiri daripada Menteri Luar Vietnam Utara, Nguyen Duy Trinh, Setiausaha Amerika Syarikat, William Rogers, Menteri Luar Kerajaan Revolusi Sementara, Puan Nguyen Thi Binh dan Menteri Luar Vietnam Selatan, Tran Van Lam. Perjanjian ini bertujuan menamatkan peperangan dan memelihara kedamaian di Vietnam.³⁵

Peperangan Tahun 1974-1975

Pada akhir tahun 1973, Presiden Nguyen Van Thieu mengarahkan tentera Vietnam Selatan merebut dan merampas wilayah yang dikuasai oleh Vietnam Utara di Vietnam Selatan. Hasilnya, 75% kawasan Vietnam Selatan adalah di bawah kuasa beliau pada awal tahun 1974. Beliau berbuat demikian kerana bagi beliau, wilayah adalah sama

³⁴ Kolko, *Anatomy of a War*, hlm. 422.

³⁵ Walter Scott Dillard, *Sixty Days to Peace : Implementing the Paris Peace Accords, Vietnam 1973*, Washington D.C. : National Defence University, 1982, hlm. 187-197 dan Burchett, *Why Viet Nam Fall*, hlm. 8.

dengan kuasa,³⁶ semakin luas wilayah menunjukkan semakin kuat sesebuah kerajaan. Tindakan Presiden Nguyen Van Thieu ini telah menyebabkan kerajaan Hanoi mengarahkan tentera Revolusi Vietnam melakukan pertahanan yang terhad untuk menentang pencerobohan Saigon kerana ingin menyimpan kekuatan tenteranya untuk penyerangan pada masa depan. Maka dengan adanya matlamat ini, Vietnam Utara tidak menghiraukan Perjanjian Paris dengan meneruskan penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh dan Laluan Ho Chi Minh di darat sebagai persediaan penyerangan baru yang akan datang.³⁷

Penentangan antara kerajaan Saigon dengan Kerajaan Revolusi Sementara semakin meningkat pada tahun 1974. Kerajaan Hanoi yang berhasrat untuk menyatukan Vietnam dan membentuk sebuah Republik Vietnam telah merancang untuk menjalankan perang Revolusi secara besar-besaran. Maka pada akhir tahun 1974, kerajaan Hanoi berpendapat bahawa masa untuk bertindak telah tiba bagi melancarkan serangan yang besar ke atas Vietnam Selatan.³⁸ Keputusan Hanoi adalah berdasarkan beberapa faktor. Yang pertama, pada akhir tahun 1974, keseimbangan tentera mula memihak kepada Hanoi. Jumlah Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang berada di Vietnam Selatan adalah antara 285,000 – 387,000 orang iaitu jauh lebih banyak daripada tahun-tahun sebelumnya.³⁹ Sebab yang kedua ialah Hanoi menjangkakan kerajaan Nguyen Van Thieu di Saigon akan jatuh akibat daripada tekanan politik dan ekonomi

³⁶ Ruane, *War and Revolution in Vietnam 1930-1975*, hlm. 103.

³⁷ *Ibid.*

³⁸ *Ibid.*, hlm. 104-105.

³⁹ Allan E. Goodman, *The Lost Peace : America's Search for a Negotiated Settlement of the Vietnam War*, Stanford : Hoover Institution Press, 1978, hlm. 171.

dalam. Ini ditambah pula bantuan tentera dari Soviet Union telah meningkat pada tahun 1974 dan ini banyak membantu menguatkan angkatan tentera Vietnam Utara dalam masa yang lebih singkat. Selain itu, kerajaan Hanoi yakin bahawa Amerika Syarikat tidak akan melibatkan diri lagi dalam Perang Vietnam. Menurut Perdana Menteri Vietnam Utara, Phan Van Dong, Amerika Syarikat tidak akan balik semula ke Vietnam, walaupun ditawarkan "gula-gula".⁴⁰

Vietnam Utara begitu yakin dengan ketidakatifan Amerika Syarikat untuk mencampur tangan semula di Vietnam adalah disebabkan oleh dua faktor utama. Yang pertama, Kongres Amerika Syarikat telah membuat keputusan mengurangkan bantuan kewangan dalam tindakan tentera Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan pada tahun 1973.⁴¹ Pengurangan bantuan tentera Amerika Syarikat kepada Vietnam Selatan telah menyebabkan kerajaan Saigon menghadapi masalah kekurangan alat kelengkapan tentera untuk menghadapi serangan dari Vietnam Utara. Ini kerana pada setiap tahun, tentera Vietnam Selatan memerlukan kira-kira \$3 bilion untuk membeli alat senjata.⁴²

Jadual 9 : Bantuan Tentera Amerika Syarikat di Vietnam Selatan, 1973-1975

Tahun	Jumlah Peruntukan (\$)
1973	\$2.27 bilion
1974	\$1.00 bilion
1975	\$700 juta

Sumber : Diubahsuai daripada Kevin Ruane, *War and Revolution in Vietnam 1930-1975*, London : UCL Press, 1998, hlm. 103.

⁴⁰ Ruane, *War and Revolution in Vietnam 1930-1975*, hlm. 104-105.

⁴¹ *Ibid.*, hlm. 105

⁴² *Ibid.*

Faktor yang kedua ialah pada penghujung tahun 1973, Akta Kuasa Perang Amerika Syarikat telah meluluskan setiap tindakan presiden harus mendapat nasihat daripada Kongres Amerika Syarikat sebelum menghantar tentera Amerika Syarikat ke medan peperangan.⁴³ Kedua-dua tindakan Amerika Syarikat ini menyebabkan semangat perjuangan orang Vietnam Selatan dan tentera Vietnam Selatan merosot. Secara tidak langsung, ini telah meninggikan semangat Vietnam Utara untuk meneruskan perjuangan mereka.

Justeru itu, pada bulan Januari 1975, Vietnam Utara telah melancarkan penyerangan terakhir secara besar-besaran terhadap Vietnam Selatan melalui Kempen Ho Chi Minh. Penyerangan ini telah dirancang khas bermula pada bulan Januari 1975 dan diharapkan tamat pada bulan Mei 1975 untuk mengelakkan musim tengkujuh yang boleh mengganggu penyerangan mereka.⁴⁴

Dalam melaksanakan Kempen Ho Chi Minh, Laluan Maritim Ho Chi Minh memainkan peranan yang sangat penting. Kapal-kapal dan bot digunakan untuk membawa alat kelengkapan tentera, makanan dan kader dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan, kemudian diagihkan ke kawasan-kawasan tertentu.⁴⁵ Oleh yang demikian, penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh merupakan elemen yang penting untuk menjayakan Kempen Ho Chi Minh.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Van Tien Dung, *Our Great Spring Victor*, hlm. 159-160.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 221.

Oleh kerana Laluan Maritim Ho Chi Minh telah memainkan peranan yang sangat penting terutamanya pada tahun 1965 hingga 1972 iaitu semasa Amerika Syarikat melancarkan serangan udara terhadap Vietnam Utara, maka laluan ini terus berfungsi sebagai penyokong kepada Laluan Ho Chi Minh di darat untuk menghantar peralatan tentera yang besar dan berat kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan semasa Kempen Ho Chi Minh pada tahun 1974-1975.

Kejayaan Kempen Ho Chi Minh ini dapat dilihat apabila bandar-bandar utama di Tanah Tinggi Pusat (Central Highland) jatuh ke dalam tangan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Misalnya Ban Me Thuot telah dikuasai oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan pada 13 Mac 1975, sementara Kontum dan Pleiku jatuh pada 16 Mac 1975. Pada 29 Mac 1975 pula, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah berjaya menguasai Hue dan Danang. Sehingga pada awal bulan April 1975, kerajaan Vietnam Selatan telah kehilangan separuh daripada jumlah tenteranya serta dua pertiga wilayahnya.⁴⁶

Semasa Vietnam Selatan diserang oleh Vietnam Utara secara besar-besaran, Presiden Nguyen Van Thieu pernah meminta bantuan tentera yang lebih besar dari Amerika Syarikat tetapi gagal.⁴⁷ Sebaliknya tentera Amerika Syarikat terutamanya unit tentera laut dan helikopter Amerika Syarikat serta tentera udara bahagian pengangkutan telah mula mengundur dari Vietnam Selatan pada 20 April 1975.⁴⁸ Tindakan Amerika

⁴⁶Allan R. Millett (ed.), *A Short History of the Vietnam War*, Bloomington : Indiana University Press, 1978, hlm. 156.

⁴⁷Ruane, *War and Revolution in Vietnam 1930-1975*, hlm. 106.

⁴⁸Millett (ed.), *A Short History of the Vietnam War*, hlm. 156.

Syarikat yang cukup menghampakan Presiden Nguyen Van Thieu telah menyebabkan beliau meletak jawatannya pada 21 April 1975⁴⁹ dan mengutuk Amerika Syarikat telah menderhaka pada beliau dengan melarikan diri dari Vietnam.⁵⁰

Kejayaan Vietnam Utara yang lebih bermakna ialah apabila Saigon jatuh ke dalam tangan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan pada 30 April 1975.⁵¹ Dengan kejatuhan Saigon, maka ini bermakna Vietnam Utara telah berjaya membebaskan Vietnam Selatan daripada pengaruh Amerika Syarikat dan akhirnya berjaya memenuhi hasratnya iaitu menyatukan Vietnam dan seterusnya membentuk sebuah negara Vietnam yang merdeka dan berdaulat.⁵²

Penilaian Pencapaian Laluan Maritim Ho Chi Minh

Semenjak aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui jalan laut ke Vietnam Selatan bermula pada tahun 1959, aktiviti tersebut tidak pernah berhenti sehinggalah pada tahun 1975.⁵³ Walaupun operasi demi operasi telah dijalankan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan untuk menyekat aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan, namun akhirnya juga tidak dapat mempengaruhi kezaman Vietnam Utara untuk meneruskan penyusupan ketenteraan mereka ke Vietnam Selatan. Keadaan ini telah menggambarkan keberkesanan dan kepentingan

⁴⁹ Charles E. Morrison and Astri Suhrke, *Strategies of Survival – The Foreign Policy Dilemmas of Smaller Asian States*, St. Lucia : University of Queensland Press, 1978, hlm. 10.

⁵⁰ Ruane, *War and Revolution in Vietnam 1930-1975*, hlm. 106.

⁵¹ Van Tien Dung, *Our Great Spring Victory*, hlm. 249.

⁵² Tiziano Terzani, *Giai Phong*, terjemahan John Shepley, New York : St. Martin's Press, 1976, hlm. 90-91.

⁵³ Pada 30 April 1975, setelah Saigon ditakluki oleh Vietnam Utara, maka seluruh Vietnam Selatan jatuh ke dalam tangan Vietnam Utara.

Laluan Maritim Ho Chi Minh dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan.

Kejayaan kader Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dalam mengawal kawasan yang besar di pedalaman Vietnam Selatan telah banyak menyumbang kepada kejayaan penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan. Ini kerana tempat-tempat yang strategik ini merupakan tempat pendaratan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang selamat dalam proses penyusupan. Menurut laporan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat McNamara pada tahun 1964, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah berjaya mengawal 40% kawasan pedalaman di Vietnam Selatan. Dalam 22 wilayah daripada 43 wilayah, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah berjaya mengawal sekurang-kurangnya 50% dari kawasan ini. Ini termasuklah 80% Phuac Tuy, 90% Binh Duong, 75% Hau Nghia, 90% Long An, 90% Kien Tuong, 90% Kien Hoa dan 85% An Xuyon.⁵⁴

Jadi dengan berjaya mengawal kawasan yang begitu luas, ini telah banyak membantu Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk mengurangkan risiko penghalangan daripada tentera Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan semasa mereka mendarat dan mengagihkan tentera dan alat senjata. Malah terdapat laporan yang menyatakan bahawa Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan cuba menyelamatkan pantai di Kawasan Tentera ke-V (Binh Dinh) untuk memudahkan penyusupan Tentera

⁵⁴ "Memorandum from the Secretary of Defense to the President", 16 Mac 1964, US National Security Council, US National Security Council Histories : Vietnam. Lihat juga "Document 63, 64 McNamara Report on Steps to Change the Trend of the War", dalam Sheehan, et al., (ed.) *The Pentagon Papers*, hlm. 287.

Barisan Pembebasan Kebangsaan melalui jalan laut ke kawasan ini.⁵⁵ Penyusupan melalui laut meningkat semula pada pertengahan tahun 1967 setelah satu tahun setengah berada pada kadar yang rendah. Menurut analisis Institut Pertahanan Amerika Syarikat, keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh usaha Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk menggantikan kehilangan tentera dalam kuantiti yang besar semasa serangan udara hebat daripada Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan serta ingin mengatasi masalah kekurangan alat kelengkapan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan.⁵⁶ Malah peningkatan kes penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan harus dilihat sebagai sebahagian daripada persediaan untuk melancarkan Penyerangan Musim Perayaan Tahun Baru (Tet Offensive) pada tahun 1968 untuk berperang dengan tentera Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan.

Penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan dengan menggunakan kapal-kapal semakin jelas sebagai persediaan untuk peperangan akhir pada tahun 1975. Dua unit dari Kumpulan 759 Vietnam Utara telah dianugerahkan gelaran Unit Wira (Hero Units). Sementara tiga buah kapal dan lima orang pegawai serta tentera dari unit penyusupan mengumumkan mereka sebagai wira Angkatan Tentera Rakyat (People's Armed Forces).⁵⁷

⁵⁵ CIA Special Report, "Viet Cong Infiltration Into Northern South Vietnam", 23 Oktober 1964, hlm. 4, US, Central Intelligence Central, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

⁵⁶ CIA Intelligence Information Cable, "Summary of Viet Cong Activities in I Corps during July 1967", 19 Ogos 1967, hlm. 11-20, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

⁵⁷ Duy Duc, "The Maritime Ho Chi Minh Trail", hlm. 19.

Kejayaan Vietnam Utara dapat dibuktikan dalam 15 tahun operasi penyusupan ketenteraan mereka ke Vietnam Selatan, iaitu dari tahun 1961 hingga 1975, mereka telah berjaya menyusup sebanyak 152,870 tan alat senjata dan alat kelengkapan tentera yang lain serta 82,000 orang ejen politik dan tentera ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.⁵⁸ Kejayaan ini telah membuktikan kebijaksanaan dan keberkesanan kepimpinan kerajaan Hanoi dalam mengendalikan operasi ini.

Kejayaan Vietnam Utara dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui jalan laut akhirnya telah membantu Vietnam Utara berjaya menakluki Vietnam Selatan pada 30 April 1975. Kemenangan mereka adalah amat bermakna sekali kerana berjaya mencapai matlamat orang Vietnam iaitu menyatukan semula Vietnam Utara dan Vietnam Selatan sehingga terbentuknya Republik Sosialis Vietnam yang betul-betul merdeka pada tahun 1976 tanpa campur tangan daripada kuasa lain.

Kesimpulan

Hasrat Vietnam Utara untuk menyatukan Vietnam tidak pernah pudar walaupun menghadapi pelbagai halangan. Kelemahan Dasar Vietnamisasi yang diperkenalkan pada tahun 1969 telah meniupkan semula semangat perjuangan Vietnam Utara. Ini dimulakan dengan Penyerangan Easter pada tahun 1972, kemudian diikuti oleh Kempen Ho Chi Minh pada tahun 1974-1975. Sepanjang Perang Vietnam, Laluan Maritim Ho Chi Minh memainkan peranan yang penting dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan. Namun demikian, peranan laluan ini mula merosot sejak tahun 1969 kerana ancaman dari Amerika Syarikat telah berkurangan dan ini membolehkan Vietnam

⁵⁸ *Ibid.*

Utara menggunakan Laluan Ho Chi Minh untuk menjalankan aktiviti penyusupan dengan lebih giat kerana cara ini lebih cepat dan menjimatkan masa. Kejayaan Kempen Ho Chi Minh akhirnya telah membolehkan Vietnam Utara mencapai hasratnya dan membentuk sebuah negara Republik Vietnam yang merdeka, bebas dan berdaulat pada tahun 1976.